

# DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS NEGERI SABAH

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 28 NOVEMBER 2023, PUKUL 10:00 PAGI

*Bil.10*

---

### PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- \*1. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan telah merangka strategi jangka masa pendek atau pelan tindakan yang berkesan untuk dilaksanakan dalam usaha menangani dan menyelesaikan masalah prasarana dan infrastruktur keperluan asas rakyat seperti bekalan air bersih, elektrik dan jalan raya.
- \*2. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah pelan tindakan jangka panjang dan jangka pendek Kerajaan Negeri terhadap keterjaminan (*sekuriti*) makanan Sabah.
- \*3. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN: -**
  - a) apa status terkini projek pembangunan Bandar Baharu Ulu Dusun, Batu 32 "Check Point" yang dikendalikan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB); dan
  - b) berapa jumlah jabatan / agensi kerajaan yang diperuntukan tapak di pekan itu telah melaksanakan pembangunan atau bangunan.
- \*4. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, berapakah jumlah peluang pekerjaan yang disediakan hasil dari jutaan nilai pelaburan-pelaburan yang diumumkan datang ke Sabah.
- \*5. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah impak peningkatan hasil negeri kepada kesejahteraan rakyat khususnya di luar bandar dan apakah sektor yang menjadi fokus agihan hasil tersebut.
- \*6. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah kontraktor yang telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja penggantian paip dibawah kontrak penyelenggaraan paip memandangkan di kawasan Sandakan masih banyak aduan paip yang sudah usang dan mulai mereput serta paip bocor berlaku.

- \*7. **YB Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT: -**
- a) berapakah bilangan kursus yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan ke atas; dan
  - b) jika ada, berapakah jumlah statistik peserta dalam kursus yang telah dijalankan.
- \*8. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapa buahkah rumah PPRT yang dibina pada 2023 dan berapakah jumlah PPRT khusus untuk daerah Telupid.
- \*9. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN: -**
- a) sudah adakah kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh Lembaga Sukan Sabah untuk membaiki 16 kompleks sukan sedia ada seperti yang di peruntukan dalam Belanjawan 2023; dan
  - b) dari manakah dana tambahan diperolehi bagi kerja-kerja penyelenggaraan.
- \*10. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, berapakah peruntukan yang disalurkan oleh kementerian untuk meningkatkan aktiviti pelancongan di daerah Papar.
- \*11. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, kajian sebuah universiti awam mendapati berlaku penurunan permintaan program berasaskan sains dan teknologi di universiti. Apakah perancangan Kerajaan dalam usaha membudayakan minat kepada sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sejak di peringkat awal pendidikan lagi.
- \*12. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, setakat ini berapakah lesen penangkapan ikan laut dalam di sebelah Zon C2 di Sabah yang sedang beroperasi.
- \*13. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah pegawai khas yang dilantik bagi memantau *Standard Operation Procedure (SOP)* bagi kerja membaikpulih lampu lampu jalan yang bermasalah di Sandakan.

- \*14. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan pengutipan sampah sarap di laut bagi mengelakkan masalah pencemaran laut menjadi lebih serius serta merosakkan alam sekitar khususnya di kawasan persisiran pantai Sabah.
- \*15. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kementerian mempunyai inisiatif menyediakan geran padanan Negeri Sabah bagi membaiki inap desa (*homestay*) bagi memastikan pengusaha kecil inap desa menawarkan kemudahan dan fasiliti yang baik kepada pelancong.
- \*16. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN: -**
- a) bagaimanakah keberkesanan program menaikkan pendapatan usahawan di Sabah diukur; dan
  - b) apakah penambahbaikan yang akan dirancang bagi memperhebatkan lagi program yang boleh memapankan lagi pendapatan usahawan, terutamanya di Kapayan.
- \*17. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah pelan jangka panjang untuk menyediakan pengangkutan awam bagi manfaat rakyat Sabah di bandar Kota Kinabalu yang berpendapatan rendah dan tidak mampu membeli kenderaan persendirian dan bilakah ia boleh dilaksanakan.
- \*18. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYRAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah langkah kerajaan dalam usaha menangani kenaikan harga barang keperluan terutama di kawasan luar bandar.
- \*19. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kementerian akan menambah menara talian perhubungan dan internet untuk mengatasi masalah kawasan yang tidak mempunyai menara talian agar dapat melancarkan lagi perhubungan komunikasi kawasan kampung.
- \*20. **YB. Datuk Anwar Ayub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, bilakah tunggakan elaun pengerusi JKKK akan dibayar.

- \*21. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA: -**
- a) apakah status terkini Penapis Loji Lahad Datu *Water supply* di Segama dan Loji Dewata dan bilakah dijangka siap beroperasi; dan
  - b) dan berapa peratuskah pembinaannya buat masa ini.
- \*22. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kerajaan memiliki perancangan untuk membina rumah mampu milik di kawasan DUN Bongawan.
- \*23. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah insentif yang diberikan oleh kerajaan dalam usaha untuk membolehkan ramai pengusaha burung walit menembusi pasaran antarabangsa terutama negara China.
- \*24. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah status terkini kajian yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perancangan dan Seni Bina dan Jabatan Pelancongan Majlis Perbandaran Sandakan untuk membangunkan semula Taman Warisan Batu Sapi.
- \*25. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah program dan aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan pengetahuan orang ramai tentang masalah kesihatan mental dan membolehkan sokongan diberikan kepada individu yang memerlukan khususnya di kalangan penduduk luar bandar.
- \*26. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah "*anchor*" industri yang masih menjana pekerjaan di Sandakan memandangkan industri pembalakan yang merupakan "*anchor*" industri di Sandakan telah mengalami kemerosotan ketara akibat kekurangan bahan mentah dan adakah kementerian merancang industri lain untuk diwujudkan di Daerah Sandakan.
- \*27. **YB Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk memasang kamera litar tertutup di seluruh Sabah khususnya di Pantai Timur termasuk kawasan perumahan bagi mengelakkan kes-kes jenayah berlaku.

- \*28. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah terdapat sebarang rancangan untuk mewujudkan sistem pendidikan Borneo yang menilai pelajar tempatan seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan Sarawak
- \*29. **YB. Datuk Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan jangka pendek Jabatan Air untuk memastikan gangguan bekalan air tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk pulih dan menjejaskan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan Sungai Manila dan sekitarnya, masih lagi mengalami gangguan bekalan air sehingga sehari-hari.
- \*30. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kekurangan bekalan beras dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada beras import.
- \*31. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah lampu jalan raya yang 70 peratus tidak berfungsi di Karamunting.
- \*32. **YB. Datuk Jaffari bin Waliam [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, setakat manakah perkembangan cadangan kerajaan dalam mewujudkan Galeri Sains dan Teknologi di Sandakan.
- \*33. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah kemajuan dan pelan jangka panjang Jabatan Keretapi Negeri Sabah untuk memodenkan perkhidmatannya untuk keperluan rakyat Sabah memandangkan Jabatan ini mendapat peruntukan dalam Belanjawan Negeri di antara RM40 – 80 juta setiap tahun.
- \*34. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**: -
- a) adakah diperlukan kerajaan untuk membina lapangan terbang baharu di Kimanis; dan
  - b) adakah Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang ada sekarang tidak mencukupi untuk keperluan pada masa kini.
- \*35. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sektor pertanian dan perikanan di Sabah.

- \*36. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah kesan ekonomi Sabah daripada susut nilai (*depreciation*) Ringgit Malaysia yang mungkin turun kepada RM5 dengan satu dollar US.
- \*37. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah tindakan kementerian untuk menambah jumlah institusi pendidikan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menawarkan kursus kemahiran dan Sijil Kemahiran Malaysia di daerah Sandakan.
- \*38. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian akan membuat kerja-kerja penyelenggaraan semua lampu di jambatan kampung Tanjong Aru selain membaiki dan menyelenggara jambatan usang dan rosak.
- \*39. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan akan berkolaborasi dengan pihak Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) dalam usaha mewujudkan Pusat Gedung Makanan atau pusat pengumpulan produk tempatan yang berperstij negeri.
- \*40. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini Projek Penampungan Air di Kg. Ulu Lumagar Bongawan.
- \*41. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda/membuat undang-undang bagi membangunkan komuniti setempat menerusi program kerjasama di antara pemilik melalui ahli jawatankuasa dengan menetapkan kawasan tertentu ditadbir dan dibangunkan oleh komuniti tersebut.
- \*42. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah sebarang rancangan dari kerajaan untuk mewujudkan institusi latihan dan kemahiran serta perkhidmatan tenaga dalam melatih lebih ramai pengurus tenaga dan juruaudit tenaga yang amat diperlukan oleh sektor industri dan komersial di negeri ini.
- \*43. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha kementerian untuk Proses Aliran Tenusu bagi membantu meningkatkan ekonomi penternak lembu tenusu di negeri Sabah.

- \*44. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah catuan bekalan air yang di kenakan setiap hari di Taman Telipok Ria akan berakhir.
- \*45. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bolehkah Ketua Menteri menyenaraikan nama pemilik, keluasan dan kawasan setiap tanah TOL di Sabah.
- \*46. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah perancangan pihak kementerian melalui agensi-agensinya dalam menaiktaraf sistem pengairan kawasan sawah padi di kawasan DUN Bandau yang mampu menyumbang jumlah tanaman padi di negeri Sabah dan Malaysia amnya.
- \*47. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan harga getah buat masa ini.
- \*48. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah kementerian mempunyai perancangan untuk memperbaiki jalan raya yang rosak dalam kawasan DUN Pantai Manis.
- \*49. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini perkembangan cadangan projek menaiktaraf paip air di Kampung Tinusa Dua dan Kampung Sebait Batu 10 Sandakan.
- \*50. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan memberikan pampasan kepada mangsa-mangsa kemalangan akibat jalan raya yang berlubang.
- \*51. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN: -**
- a) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memastikan harga ayam di Sabah tidak naik seperti disyorkan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
  - b) apakah perancangan serta peruntukkan bagi 2024 untuk memastikan penternakan ayam di Sabah dilaksanakan dengan stabil dan memenuhi keperluan.

- \*52. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah wang pendahuluan (*upfront money*) yang telah di bayar oleh PCSB selaku “Farmee” kepada SMJ Sdn Bhd selaku “Farmor” dalam perjanjian ‘Farm Out Agreement’ antara Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) dan SMJ Sdn Bhd.
- \*53. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kementerian akan melaksanakan projek pembinaan Jalan Lintas Libaran untuk fasa 1, 2 dan 3 bagi memastikan rakyat menerima jaringan jalan raya yang lebih baik.
- \*54. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah maklumbalas yang kementerian perolehi berkenaan institusi yang merancang untuk bangunkan institusi mereka di tempat lain selain dari di Hub Pendidikan Batu 10, Sandakan termasuk yang belum lagi ada tindakan untuk membangunkan institusi mereka di tempat tersebut.
- \*55. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**: -
- a) berapakah lesen perlombongan mineral yang telah di dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2021 hingga sekarang; dan
  - b) apakah butir-butir lengkap kelulusan tersebut termasuk syarikat yang telah di luluskan dan lokasi perlombongan yang diluluskan.
- \*56. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mengapa rakyat Sabah, terutamanya berstatus anak negeri sukar untuk dapat kelulusan tanah sedangkan individu dari Sarawak dapat memiliki kawasan seluas 968.4 hektar di Pulau Balambangan. Individu itu sudah menarik diri daripada projek di pulau berkenaan dan sama ada projek di Pulau Balambangan dibatalkan.
- \*57. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah perancangan pihak kementerian dalam membantu untuk menaiktarafkan talian perhubungan dan rangkaian internet sedia ada khususnya di kawasan Dun Tempasuk yang masih terdapat kawasan yang mempunyai masalah rangkaian talian dan menyukarkan penduduk melakukan urusan seharian.
- \*58. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III /MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan bercadang menggantikan paip utama sekitar Taman Semarak ( LPPB) yang sering berlaku kebocoran kerana sudah berusia lebih 30 tahun dan uzur dan jika ya, berapakah anggaran kasar perbelanjaan /peruntukan yang di perlukan.

\*59. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini projek bekalan air luar bandar (BALB) sistem Retikulasi Bahagian Tawau (Kg. Kongsi 8, Kg. Kongsi 10, Kg. Padang 6 dan Jalan Tikau) Balung Tawau.

\* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.